

BAYI MATI DISAH TERCEKIK SUSU

Ada ketulan beku pada peti suara, paru-paru

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Misteri kematian seorang bayi lelaki berusia dua bulan di Petaling Jaya akhirnya terjawab apabila mangsa disahkan maut akibat tercekik air susu.

Brandon Teh Zi Yang, sebelum ini dilaporkan mati mengejut oleh pengasuhnya selepas dikatakan tidak sedarkan diri pada 9 Februari lalu.

Ibu bapa mangsa bagaimanapun tidak berpuas hati dengan jawapan diberikan pengasuh itu lantas menghantar mayat bayi mereka ke Bahagian Forensik Pathologi Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk dibedah siasat.

Dua pakar perubatan PPUM yang menjalankan bedah siasat mengesahkan penemuan ketulan susu beku pada pangkal bahagian tengkorok berhampiran peti suara serta paru-paru.

Kehadiran susu berkenaan me-

nyebabkan mangsa maut akibat lemas atau kekurangan udara di paru-paru.

Bapa mangsa seorang jurutera, Vincent Teh Poh Keat, 33, berkata kematian anak sulungnya itu amat dikesalkan kerana dipercayai kecauaian pusat asuhan kanak-kanak berkenaan menjaga mangsa.

Dalam kejadian 9 Februari lalu, dia bersama isteri Rowena Yong Wei Jean, 30, menghantar Brandon di pusat asuhan berkenaan di Jalan Changgai, Petaling Jaya.

"Ketika dihantar, Brandon dalam keadaan sihat dan kami menyerahkannya kepada seorang pengasuh pusat asuhan itu sebelum beredar memulakan kerja.

"Bagaimanapun, Rowena menerima panggilan telefon pada jam 4.30 petang daripada seorang pengasuh bernama Ruffi yang memberitahu bahawa Brandon kini berada di wad kecemasan Hospital Assunta, dihantar pemilik pusat asuhan itu bernama Sheila," katanya ketika

ditemui di Biro Aduan MCA, di sini, semalam.

Menurut Vincent, isterinya kemudian bergegas di Hospital Assunta dan tiba jam 5.20 petang.

"Semuanya seolah-olah sudah terlambat apabila Brandon disahkan doktor sudah tidak bernyawa. Malah, saya terkejut apabila diberitahu bahawa Brandon mati sebelum tiba di hospital berkenaan.

"Kami tidak dimaklumkan punca yang menyebabkan kematian Brandon oleh pusat asuhan itu," katanya.

Akibatnya ibu bapa bayi lelaki itu tertekan dan berasa dikhianati berikutan tanggungjawab menjaga Brandon seharusnya dipikul sepenuhnya oleh pusat asuhan itu.

"Saya kemudian membuat laporan polis di Ibu pejabat Polis Daerah Petaling Jaya. Apa yang dikesalkan pusat asuhan terbabit beroperasi tanpa permit dan lesen daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Berikutan itu, saya terpaksa me-



BRANDON...maut

nanti laporan bedah siasat daripada PPUM bagi mengetahui punca sebenar kematian anak saya itu. Hasil laporan bedah siasat doktor pakar ternyata memeranjatkan apabila anak saya disahkan maut akibat lemas atau sesak nafas ketika meminum susu," katanya.

Menurutnya, kemungkinan anaknya dibiarkan meminum susu tanpa diawasi menyebabkan susu yang diminum dimuntahkan kembali sebelum memasuki rongga hidung.

"Air susu yang termuntah itu kemudian memenuhi hidung sebelum Brandon tersedak lalu air terabit mengalir masuk ke bahagian paru-paru hingga menyebabkannya gagal bernafas.

"Saya amat kesal dengan kejadian itu, nyawa Brandon pasti dapat diselamatkan jika pengasuhnya bertindak pantas mengangkat dan menepuk belakang tubuh anak saya itu seperti dilakukan kebanyakan ibu ketika menyusukan anak," katanya.